

## GANGGUAN KOMUNIKASI MAYA DI TEMPAT KERJA DALAM HUBUNGAN SESAMA PEKERJA

Khairun Nisak Suhaimi & Muhamad Faisal Ashaari  
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: [nisa354.kk@gmail.com](mailto:nisa354.kk@gmail.com); [faisal@ukm.edu.my](mailto:faisal@ukm.edu.my)

**Abstrak-** Kajian Kualiti hubungan sesama pekerja dan antara majikan di tempat kerja boleh bertambah baik dengan kedatangan media baharu. Namun, ia mestilah menghindari amalan negatif yang mengganggu hubungan yang baik itu. Kewujudan sosial media yang mungkin boleh meningkatkan hubungan yang baik namun dalam masa yang sama ia juga boleh mengganggu hubungan di tempat kerja. Artikel ini membincangkan lima item yang terdapat dalam Surah al-Hujurat: 12 yang boleh mengganggu hubungan ini iaitu mengumpat, mengintip, bersangka buruk, menyibuk dan mengejek.

**Kata kunci:** *Gangguan Komunnikasi Maya, Tempat Kerja, Sesama Pekerja*

---

### I. Pendahuluan

Zaman ini, teknologi komunikasi yang semakin maju memberi kesenangan dan kemudahan kepada manusia untuk berinteraksi sesama mereka. Kewujudan dan kemunculan sistem perkomputeran ini telah mempeluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang menambahkan lagi ruang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan (Ahmad Munawar & Mohd Nor 2011). Tidak kurang hebatnya apabila telefon pintar sudah mula diperkenalkan dengan aplikasi canggih berbentuk komunikasi yang boleh diakses dimana-mana sahaja. Selain itu, Kecanggihan teknologi semakin berkembang pesat membolehkan manusia berupaya mencipta talian komunikasi yang mampu menghubungkan komuniti dalam dunia *online* dan juga *offline* (Maimunah & Muhammad Faisal 2014). Maka, interaksi sesama manusia dilihat tidak lagi mengenal batas, jarak, ruang dan waktu bahkan manusia juga boleh berinteraksi dengan sesiapa sahaja merentasi dunia

### II. Pernyataan Masalah

Namun secara tidak sedar kemunculan media baharu yang moden ini telah mengubah cara komunikasi sesama manusia. Nilai- nilai yang selalunya ada di dalam diri manusia semakin pudar kerana kemunculan internet yang boleh mendapatkan maklumat secara cepat. Gangguan hubungan ini dapat dirasakan oleh masyarakat bahkan organisasi yang mana mereka sering bertemu di tempat kerja dan berinteraksi sesama mereka. Selain itu, Kemunculan media baharu juga telah mengubah cara seseorang individu dan organisasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab malahan turut mengubah cara seseorang itu berkomunikasi pada zaman ini (Faridanura 2013) Masyarakat menyedari melalui penggunaan media sosial mereka dapat berkomunikasi dengan baik, bertukar pandangan dan idea. Kewujudan aplikasi media sosial yang pelbagai seperti *facebook*, *twitter*, *instagram*, *youtube*, *linkdln* dan lain-lain membolehkan manusia untuk saling berinteraksi sesama mereka meskipun jauhnya merentasi benua. keboleh aksesan melalui telefon pintar menambah manusia dilihat bebas mengemukakan pandangan serta idealogi masing-masing dan berkongsi apa sahaja di laman sosial tidak kira ia berkaitan dengan hal peribadi, isu-isu semasa, pengiklanan, produk, promosi program berbentuk gambar, video, audio dan sebagainya sama ada oleh individu atau organisasi kepada khalayak umum. Masyarakat telah mengubah cara hidup dan komunikasi hanya dengan menggunakan media baharu. Ayat 12 dalam surah al-hujurat telah menjelaskan bentuk-bentuk komunikasi yang menjadi gangguan dan ianya berhubung kait dengan hubungan ditempat kerja setelah kedatangan media baharu. Aplikasi komunikasi yang mudah diakses telah memudahkan mereka berkomunikasi dengan sesiapa sahaja malahan seluruh dunia. Namun, ada segelintir netizen di tempat kerja menggunakan aplikasi ini untuk melepaskan dan meluahkan rasa marah, mengumpat, memfitnah, mengada-adakan cerita, mengejek, perli dan sibuk perihal orang hanya di laman sesawang. Sikap ini telah mengubah nilai manusia yang baik menjadi negatif. Dalam ayat al-quran ini Allah menjelaskan larangan membuat perbuatan tersebut terhadap orang lain. Namun, inilah realiti masyarakat yang sedang berlaku di kalangan organisasi di tempat

kerja. Elemen ayat al-quran ini menjelaskan corak komunikasi di tempat berkerja yang terganggu disebabkan oleh kehadiran media baharu menjadi tujuan utama dalam kajian ini.

### III. Hasil Kajian

Media baharu telah memberi impak kepada komuniti masyarakat. Sosialisasi masyarakat juga terganggu tidak kira peringkat umur. Dalam kajian (Yuszaidi et al, 2015) media baharu telah mengubah sistem nilai masyarakat khususnya bagi masyarakat melayu. Perubahan yang dialami dari arus kemodenan yang semakin berkembang ini turut mempengaruhi corak kehidupan masyarakat. Namun, Implikasi ini turut memberi kesan di kalangan organisasi di tempat kerja yang mana setiap urusan perlu menggunakan sistem-sistem secara atas talian. Penggunaan teknologi ini secara umumnya lebih banyak dilakukan oleh organisasi untuk menghubungkan dengan mana-mana organisasi lain yang terlibat. Namun kesannya terjadi pada persekitaran organisasi tersebut. Antara implikasi kedatangan media baharu dalam organisasi ialah:

#### a. Media baharu melahirkan budaya cepat dan pantas

Organisasi masa kini selepas kedatangan media baharu dilihat cenderung kepada budaya pantas dan cepat. Tidak kira cepat dan pantas dari segi untuk mendapatkan maklumat, mengemaskini data, menerima dan juga menghantar maklumat. Hal ini disebabkan oleh kemudahan teknologi yang lebih baik dan mudah untuk di akses di mana-mana sahaja. Produktiviti dan kualiti kerja menjadi juga dilihat menjadi semakin baik. Malah kesemua teknologi boleh diakses dan digunakan hanya pada hujung jari. Media baharu ditempat kerja juga dilihat mudah untuk menghubungkan pihak yang berurusan tanpa perlu bersemuka malah lebih pantas dengan hanya tekan pada yang berkenaan. Sebagai contoh sistem semakan penyata gaji dan permohonan cuti pekerja hanya menggunakan aplikasi yang disediakan dan boleh diakses di telefon pintar mahupun komputer. Cara ini menjadi lebih cepat dan pantas hanya di atas talian tanpa perlu menggunakan tenaga kerja yang ramai.

#### b. Media baharu memberi tekanan dan lambakan kerja

Penggunaan media baharu di alam pekerjaan bukanlah sesuatu yang baru kerana penggunaan *email* dan lain-lain telah lama digunakan untuk urusan komunikasi di alam pekerjaan. Ia menjadi bertambah rancak apabila pengeluaran telefon mudah alih telah memperkenalkan teknologi telefon dan teknologi internet untuk memudahkan memuat naik aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram* dan lain-lain. Teknologi ini terus berkembang dan akhirnya kegunaan media sosial tidak lagi digunakan hanya ketika santai malah telah digunakan untuk tujuan pekerjaan (Siti Ezaleila, 2015). Kemudahan teknologi yang mudah diakses dimana-mana menyebabkan tugas kerja menjadi lebih banyak sehingga menjadi tekanan pada pekerja kerana terpaksa mengorbankan masa untuk rehat dan keluarga.. Tekanan di tempat kerja bukan sahaja datang dari persekitaran tempat kerja malah lambakan kerja. Tugas kerja yang banyak tidak kira masa sehingga pekerja terpaksa berkerja lebih waktu pada masa tertentu. Menurut (Farzana parveen et al, 2015) pekerja masih menerima arahan daripada majikan masing-masing meskipun di luar waktu pejabat termasuk ketika bercuti. Keadaan ini menjadikan ruang sempadan antara pekerjaan dengan kehidupan seseorang lebih kecil dan tiada keseimbangan antara pekerjaan dengan kehidupan peribadi kerana terganggu dengan arahan kerja di luar waktu bekerja. Oleh sebab itu, lambakan kerja dan menerima arah di tempat kerja menyebabkan terjadinya tekanan emosi dan stres. Menurut (Zafir Mohd Makhbul et al, 2013) Stres di tempat kerja terjadi apabila keupayaan individu tidak sepadan dengan keperluan atau permintaan kerja dan persekitarannya. Terjadinya jurang ini telah menambahkan ketegangan kepada individu dan akhirnya membawa kepada stres di tempat kerja. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk menyampaikan maklumat berkaitan kerja selepas waktu kerja biasa telah menjadi lazim pada masa kini. Capaian kepada pekerja telah melangkaui sempadan masa bekerja kerana maklumat berkaitan kerja boleh disampaikan di luar waktu kerja melalui medium telekomunikasi canggih seperti telefon mudah alih yang dilengkapi capaian terhadap e-mel dan juga media sosial. Keadaan ini dijangka meningkatkan tekanan kerja kepada pekerja dan sekali gus meningkatkan konflik kerja dan keluarga (Normazaini Saleh, 2017). Justeru itu, masa bekerja menjadi lebih lama dari yang biasa disebabkan aplikasi mudah diakses dimana-mana dan arahan berkerja diberi tidak kira masa.

### c. Media baharu mengajar nilai kebebasan dan hak asasi

Pembangunan dan kemajuan dalam bidang teknologi pada masa kini sedikit sebanyak turut mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi. Daripada bentuk komunikasi bersemuka, kini komunikasi telah berubah kepada komunikasi secara maya dengan menggunakan portal dan laman sosial tertentu sebagai perantara. Kewujudan pelbagai saluran komunikasi ini menyebabkan masyarakat bebas bersuara tanpa memikirkan etika dan kesantunan berbahasa. Komunikasi maya ini bukan sahaja melibatkan teks semata-mata tetapi netizen juga boleh menggunakan *emoticon* untuk mewakili gambaran perasaan mereka. Masyarakat menyedari melalui penggunaan media sosial mereka dapat berkomunikasi dengan baik, bertukar pandangan dan idea. Kebolehan akses melalui telefon genggam (*mobile phone*) menambah manusia dilihat bebas mengemukakan pandangan serta ideologi masing-masing dan berkongsi apa sahaja di laman sosial tidak kira ia berkaitan dengan hal peribadi, isu-isu semasa, pengiklanan produk, promosi program berbentuk gambar, video, audio dan sebagainya sama ada oleh individu atau badan organisasi kepada khalayak umum. (Liyana Nadzirah et al, 2014)

Ketertiban budaya dan penggunaan bahasa dengan lenggok bahasa sering dilupakan pada masa kini akibat dari keghairahan aktiviti “penulisan bebas” di laman sosial. Kesannya, penggunaan perkataan yang diluar tahap kesopanan bahasa tidak di pamerkan dengan nilai-nilai sebagai umat islam sedangkan dalam al-quran telah menjelaskan supaya umatnya bercakap dengan perkara-perkara yang sopan dan tidak sia-sia. (Romlah Ramli, 2016). Sejak media berada di tangan masing-masing, semua ingin bercakap tentang diri mereka dan juga tentang hal orang lain. Kebebasan itu bukan sekadar dari sudut maklumat yang mereka boleh peroleh dalam media baharu, tetapi ia juga menyediakan medium yang sangat mudah untuk mengungkapkan apa yang mereka inginkan dan apa yang mereka rasa betul. Antara tajuk yang selalu diungkapkan tentang keinginan mereka dan juga tentang hak mereka kerana media baharu mengajar erti kebebasan dan hak asasi. Mereka ada kekuatan untuk mengungkapkan apa yang mereka rasa betul kerana mereka juga mendapat sokongan rakan dan kenalan yang sama aliran pemikiran dengan mereka. (Muhammad Faisal et al, 2017). Para pengguna media sosial bebas memberi komen-komen serta menyalurkan pendapat tanpa rasa khuatir. Ini disebabkan oleh dalam internet khususnya media sosial sangat mudah untuk memalsukan maklumat dan mudah melakukan penipuan. (Anang Sugeng Cahyono, 2016)

Komunikasi dalam sesebuah organisasi adalah elemen penting untuk mewujudkan hubungan kerjasama dalam sebuah pasukan. Organisasi yang mempunyai komunikasi yang baik mampu mewujudkan suasana yang harmoni dan positif diantara pekerja dan majikan. Selain itu, ia dapat meningkatkan prestasi kerja dikalangan organisasi. Namun garis panduan untuk berkomunikasi dalam organisasi telah tercatat pada ayat 12 surah al-hujurat. Ia amat bersesuaian dikaitkan dengan kajian ini dimana al-hujurat bermaksud “bilik” diibaratkan organisasi. (Rahmatunnisah et al, 2014) menyatakan dalam kajiannya, penamaan surah dalam al-Quran merupakan hasil ijtihad dari para Sahabat Rasulullah selepas kewafatan Baginda SAW. Sesungguhnya penamaan surah ini dengan nama al-Hujurat iaitu jama' (*plural*) kepada hujrah yang bermaksud kamar atau bilik. Ia merujuk kepada rumah Rasulullah SAW yang hanya merupakan rumah asas yang mempunyai satu kamar maka surah ini dinamakan al-Hujurat (kamar-kamar atau bilik-bilik). Surah al hujurat merupakan salah satu surah yang membahaskan aspek akhlak dan pergaulan hidup bermasyarakat. (Faizin, 2016). Surah hujurat dalam ayat 12 amat bersesuaian dijadikan panduan dalam organisasi kerana ayat ini mengajar tentang pentingnya organisasi sosial bermasyarakat hidup dengan damai dan sejahtera sehingga tercipta masyarakat muslim yang bertakwa, cerdas, bertanggungjawab dan berakhlak mulia. (Azamiyah, 2017). Untuk mencipta masyarakat yang tenang, tertib, berakhlak, dan penuh dengan keharmonian, al quran merupakan pegangan yang tiada keraguan didalamnya. Surah al-hujurat merupakan surah yang mengatur kehidupan manusia untuk mencipta masyarakat yang aman makmur. (Mohamed Taufik, 2007).

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا ۗ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya : Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebagian kamu menggunjing sebagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima tobat lagi Maha Penyayang.”

Kajian ini mengupas isu kedatangan media baharu dan gangguannya di tempat kerja. Dalam era komunikasi yang semakin pantas dan canggih ini, masyarakat tidak terkecuali menggunakan media baharu sebagai alat komunikasi. Bagi pihak didalam organisasi pula, media baharu menjadi tunjang dalam setiap pekerjaan untuk mengakses maklumat dan data. Namun, komunikasi ini mengalami gangguan setelah hadirnya media baharu di kalangan organisasi di tempat kerja. Dalam kajian (Amani Amir, 2006) mendapati pengguna laman sosial seperti *facebook* telah menggunakan aplikasi ini sebagai platform untuk mengutuk, mengumpat, mencari kesalahan orang dan mengeji orang lain. Melalui ayat 12 surah al-hujurat, pengguna laman sosial perlu mengelakkan daripada bersifat keji atau mazmumah. Perbuatan seperti mencari atau mendedahkan aib orang untuk tujuan yang buruk adalah tidak relevan dilakukan dan amatlah ditegah. Bagi kelompok yang suka bergosip dan menceritakan hal buruk orang secara tidak benar, maka eloklah dinilai akhlak masing-masing agar tidak berlaku pelanggaran terhadap titah perintah Allah. Menurut (Azamiyah, 2017) dalam kajiannya menjelaskan kemampuan berkomunikasi adalah kurnia dari Allah kepada umat manusia yang sangat tinggi nilainya. Dengan tutur kata yang baik akan melahirkan akhlak yang terpuji. Namun, setiap percicaraan harus mempunyai topik dan tujuan yang jelas sehingga tidak menimbulkan hal-hal negatif yang menjurus kepada ghibah bahkan fitnah. Perkataan *ghibah* Di dalam Al-Quran disebut dengan tiga erti yang berbeza iaitu:

1. *Ghibah*: membicarakan aib atau kejelekan orang lain yang benar-benar terjadi.
2. *Buthan*: mengada-adakan sesuatu yang tidak ada dengan cara berbohong dan membuat cerita
3. *Fitnah*: menyebabkan sesuatu yang tidak ada untuk mencapai suatu tujuan yang keji. Seperti adu domba, menghasut, dan lain-lain.

Ketiga-tiga perbuatan ini adalah dosa dan sangat tercela dan dilarang oleh agama. Allah memberi perumpamaan bagi orang yang suka membicarakan keburukan orang lain seperti orang yang memakan daging mayat saudaranya sendiri. Ini kerana, pembicaraan aib itu bila diketahui oleh yang berkaitan akan menyakiti hatinya dan kehormatannya. Justeru itu, sikap ini telah mengganggu hubungan di tempat kerja. Malah dengan adanya media baharu, sikap ini semakin kerap terjadi dikalangan organisasi di tempat kerja. Selain itu, (Abdul Djali, 2000) menjelaskan Yusuf al-Qardhawi telah membuat kesimpulan berdasarkan ayat 12 dari surah al-Hujurat bahawa dalam konteks berkomunikasi sesama manusia itu ada tiga sifat mesej yang biasa disebarkan:

1. *Zann*: seseorang yang jujur itu dikatakan melakukan perkara yang buruk tanpa sebarang bukti yang kukuh dan jelas adalah dilarang.
2. *Tajassus*: mencari-cari kesalahan dan keburukan tentang perbuatan buruk seseorang juga adalah dilarang.
3. *Ghibah*: mengumpat. Oleh kerana ghibah boleh mendatangkan kesan-kesan negatif maka ia tidak dibenarkan dala apa jua bentuk kecuali jika terdapat kepentingan atau masalah dari sudut syarak. Ghibah itu seperti pemakan Bangkok.

Kedua-dua pandangan ini cukup jelas menyatakan bahawa ayat 12 dari surah al hujurat ini sangat berkait rapat dengan gangguan hubungan komunikasi di tempat kerja. Sikap yang dibawak oleh masyarakat kedalam organisasi pada masa kini dilihat sangat dekat dengan elemen tersebut.

## A. Elemen Ayat 12 Al Hujurat, Media Baharu Dan Sikap Di Tempat Kerja

Corak komunikasi yang semakin berubah, semakin jelas dilihat masa kini. Tidak dinafikan elemen ini banyak terjadi di persekitaran tempat kerja samada sesama rakan sekerja dan pekerja dengan majikan. Sikap yang ditunjukkan seperti sudah menjadi kebiasaan dalam sesebuah organisasi. Malah, menjadi ketagihan untuk mencari sesuatu hiburan yang menyeronokkan apabila dapat bercerita perihal orang lain pada umum. Elemen ayat 12 ini menunjukkan kaitan terhadap sikap netizen di dalam organisasi. Pentafsir telah menjelaskan beberapa elemen dalam ayat 12 surah al hujurat yang merupakan larangan Allah terhadap manusia berkaitan dengan sikap dalam berkomunikasi.

### a. Ghibah (mengumpat)

Adapun ghibah adalah menyebut tentang seorang muslim dengan sesuatu yang ada padanya dan itu tidak disukainya, baik cacat di badannya, agama, dunia, akhlak mahupun sifat kejadiannya, bentuknya yang pelbagai antara lain dengan menyebut aibnya, atau meniru tingkah lakunya dengan maksud mengejek. Seseorang yang hadir di tempat yang sedang melakukan ghibah wajib mengingkari kemungkaran itu dan membela saudaranya yang digunjingkan (Mohamed Taufik, 2007). Antara bentuk komunikasi yang dilarang kerana memberikan kesan buruk adalah dengan mendedahkan keburukan serta keaiban seseorang tanpa sesuatu masalah atau kepentingan yang jelas (Aminuddin basir @ ahmad et al, 2009). Dalam hubungan ini Rasulullah s.a.w bersabda: Bermaksud: “Tahukah kamu apa itu ghibah (mengumpat)? Para sahabat menjawab: “Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui. Sabda Rasulullah s.a.w:”engkau menyebut sesuatu tentang saudaramu yang dibencinya. Dikatakan Apa pandanganmu jika apa yang aku sebut itu memang ada pada saudaraku? Sabda Rasulullah s.a.w: Jika apa yang engkau sebut itu ada pada saudaramu maka engkau telah mengumpatnya dan jika perkara itu tidak ada pada saudaramu maka engkau telah mendustainya. (HR Muslim).

Dalam keadaan media baharu segala info di hujung jari ini, ghibah dalam bentuk moden nampak lebih mudah dilakuka. Media sosial menjadi platfom untuk memulakan umpatan secara halus perbuatan ghibah ini seperti tiada apa kerana hanya sekadar bercerita. Namun, impaknya segala cerita diketahui umum apabila netizen mula mengakses internet untuk bersosial. Malah penyebaran berita-berita ini mudah dilakukan dengan hanya *screenshot* cerita yang disebarkan dan hantar di dalam *group-group* yang aktif. Malah apa yang memburukkan keadaan ada individu sanggup share kepada khalayak umum dan tersebar berita-berita yang kurang elok.

### b. Tajassus (mengintip)

Mengintip atau bahasa mudah bagi dunia teknologi masa kini adalah *stalk*. Segala info mudah didapati hanya dengan pencarian di laman sosial individu yang berkenaan atau orang-orang sekeliling yang berkaitan. Pengintipan ini biasanya terjadi apabila sesuatu perkara tidak puas hati berlaku antara dua pihak atau pencarian profil maklumat yang berkaitan tentang individu lain. Penyebaran itu berlaku tanpa pengetahuan mereka yang terlibat untuk menimbulkan mudharat terhadapnya, maka selain dosa mengintip, ia telah menambah dosa lain dengan masuknya ke dalam golongan orang yang disebutkan dalam hadith Nabi saw: Artinya: Dari Hammam bin harith, ia berkata, kami sedang duduk bersama Khudzaifah di masjid, kemudian datang seseorang lalu duduk di samping kami, dikatakan kepada Khudzaifah, hal ini disampaikan kepada raja, Khudzaifah berkata, akau ingin mendengar Rasulullah sollallahu 'alaihi wasallam, Rasulullah sollallahu 'alaihi wasallam bersabda, ”Tidak masuk syurga tukang adu domba (penyebar fitnah). (Hadith Riwayat Muslim)

### c. Sangka buruk

Dzann dalam bahasa arab bermaksud menduga atau menyangka. Untuk elemen yang terdapat pada ayat 12 ini adalah larangan untuk bersangka buruk. Prasangka yang dilihat pada masa kini apabila seseorang mengemaskini status di laman sosial tetapi disalah anggap oleh orang lain sehingga kesannya boleh membawa kepada pertelingkahan kerana salah faham yang sedikit. Sangka buruk atau prasangka ini biasanya terjadi apabila suatu anggapan bertentangan dengan kebenaran dan kebaikan. Kerana apabila terjadinya sangkaan itu, maka segala perlakuannya juga menjadi buruk. Prasangka terhadap seseorang menyebabkan dirinya enggan berjumpa dengan seseorang. Sebagai contoh, menjauhkan diri dari melalui jalan-jalan yang banyak digunakan orang lain, tidak mahu berkerjasama dengan baik, tidak mahu berbicara dan sebagainya penghindaran ini menyebabkan komunikasi tidak lancar. (Dede Rahmat Hidayat, 2013)

### d. Skodeng/ menyibuk

Kemunculan perkataan baharu iaitu “*skodeng*” tergolong dalam kelas kata kerja yang menyaksikan perbuatan seseorang. perkataan “*skodeng*” sinonim kepada “mengintai” iaitu membawa maksud melihat dengan bersembunyi untuk melihat gerak geri seseorang dan memata - matai (Kamus Dewan 2005 : 582). Kata “*skodeng*” ini digunakan dalam konteks perbuatan watak yang tidak diketahui oleh orang yang diperlakukan (Nurul Atiqah, 2017). Menjadi kanser dalam organisasi dan tempat tertinggi dalam carta isu menyibuk di kalangan pekerja. Mereka ini suka mengintai

gerak geri rakan sekerja di dalam facebook, apa yang di buat ketika diluar waktu bekerja, jumpa siapa, makan apa dan sebagainya. Golongan ini hanya memerhati facebook rakan sekerja tanpa sebarang like atau komen. Tidak memeranjatkan ia adalah elemen politik pejabat sejak azali (Johardy Ibrahim, 2018). Maka tidak dinafikan sikap suka menyibuk dan ingin tahu muncul dalam setiap organisasi. Sikap ini menjadi semakin menjadi apabila segala maklumat rakan sekerja ada dihujung jari.

#### e. Mengejek

Istilah terbaru bagi mengejek di laman sosial adalah *troll*. Ejekan yang dibuat dengan pelbagai cara menjadi kebiasaan masa kini. Mereka menganggap ia hanyalah sekadar gurauan sesama rakan. Ada yang mengejek dengan menyebarkan gambar, dialog atau apa sahaja yang berunsur lawak untuk hiburan semata-mata. Namun, sifat ini sudah menjadi penyakit bukan sahaja dalam organisasi malah masyarakat kita masa kini. Tidak kurang juga terdapat pengguna yang menggunakan Facebook untuk meluahkan perasaan geram, benci dan sedih mereka terhadap individu tertentu. Apa yang lebih memburukkan adalah apabila Facebook dipanjangkan dengan komentar tidak sepatutnya terutama yang melibatkan hal rumah tangga (Mohamad Isa Abd Ralip, 2010).

## IV. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kedatangan media baharu pada masa kini telah mengubah corak imteraksi manusia khususnya dalam organisasi di tempat kerja. Impak daripada media baharu ini telah mewujudkan sikap yang baru dikalangan rakan sekerja. Setelah di kaji, sikap dalam organisasi sangat berkait rapat dengan elemen-elemen yang terdapat pada firman Allah al-hujurat ayat 12. Realiti yang berlaku ini dilihat semakin tular dikalangan organisasi di tempat kerja. Walaubagaimana pun, netizen perlu berhati-hati dan waspada dengan sikap ini agar tidak merebak pada generasi akan datang.

## Rujukan

1. Al-quran
2. Abdul Djali, Dedy Wahyudin (2000), *Fiqh rakyat, pertautan fiqh dengan kekuasaan*, Yogyakarta: LkiS
3. Ahmad Munawwar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2011), *Media Penyiaran, Implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia.....*
4. Aminuddin basir @ ahmad, Muhammad Sabri Haron, Nik Yusri Musa (2009) *Kebebasan media komunikasi menurut perspektif islam*. Jurnal Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Anang Sugeng Cahyono (2016), *Pengaruh media sosial terhadap perubahan sosial masyarakat di indonesia*, Jurnal ilmu sosial dan ilmu politik, Fakultas ilmu sosial & politik, Universitas tulungagung. Vol 9 (1).
6. Azamiah (2017), *Konsep Pendidikan karakter dalam al-quran surah al-hujurat 11-13*, Jurnal Pendidikan Islam, Universitas Muhammadiyah Surabaya.
7. Dede Rahmat Hidayat (2013), *Faktor-faktor penyebab kemunculan prasangka sosial (social prejudice) pada pelajar*. Jurnal ilmiah mimbar demokrasi: vol 12 (2), Universitas Negeri Jakarta.
8. Faizah Ismail & Faisal Ashaari (2018), *Komunikasi Dakwah Dalam Interaksi Menerusi Whatsapp. Fikiran masyarakat vol 6 no 1*.
9. Faridanura Abdullah (2014) *Penggunaan laman rangkaian sosial (facebook) dalam kalangan guru: motif dan kesannya*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
10. Farzana Parveen, Noor Ismawati Jaafar & Sulaiman Ainin (2015), *Social media usage and organizational performance: Reflection of Malaysian social media managers. Telematics and informatics vol 32(1)*, ms 67-78.
11. Haryati Kamarudin (2013), *Faktor tekanan kerja dalam kalangan kakitangan Mains Holdings sdn.bhd*, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open University Malaysia.
12. Johardy Ibrahim (2018), *Hal dibenci tentang rakan sekerja*. Diakses pada 17/12/18, <http://www.utusan.com.my/rencana/8-hal-paling-dibenci-tentang-rakan-sekerja-1.476253>.
13. Mohamed Taufik Mohamed Ramlan (2007) *Nilai-nilai pendidikan akhlaq dalam al-quran: kajian Surah Al-hujurat ayat 11-13*, Kolej islam Muhammadiyah, Singapura
14. Mohd Yuszaidi Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah (2015), *Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat melayu di Malaysia*. Jurnal Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
15. Normazaini Saleh, Zuhana Zakaria & Sarifah Ismail (2017), *Komunikasi merentas sempadan kerja melalui teknologi dan media sosial: kesan terhadap peningkatan konflik kerja-keluarga*, *my JICT- Malaysian Journal of information and communication technology vol 2(1)*.
16. Nur Faizin (2016), *Nilai kemasyarakatan dalam al-quran surat al-hujurat ayat 9-13 (kajian pemikiran tafsir al-misbah karya Quraish Shihab)*, Jurusan pendidikan agama islam, fakultas tarbiyah & ilmu keguruan, institut agama islam negeri (iain) Sala tiga (Sarjana Pendidikan).
17. Nurul Atiqah Nor Azman, Harishon Radzi (2017) *Bahasa Lincih: Pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja*. Jurnal linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
18. Rahmatunnusah Hj Sailin, Md Rozalafri Johori, Don Daniyal Don Biyajid (2014), *Model Komunikasi Insan: Ibrah surah al-hujurat ayat 6*. 4<sup>th</sup> *International conference and exhibition on islamic education*. Iced 2014, Kuis.
19. Romlah Ramli (2016), *Sejauhmana kebebasan dalam media sosial: peradaban sosial dan privasi dalam sempadan keagamaan*. Journal of Techno Social, Universiti Tun Hussien Onn
20. Siti Ezaila Mustafa (2015), *Friend atau Unfriend: Persahabatan di laman sosial*. *1c-mas 2015, 2nd international conference on media & social*, Universiti Malaya.
21. Siti Maimunah Kahal & muhammad Faisal Ashaari (2014), *Interaksi antara agama di alam maya*. Prosiding bicara dakwah kali ke 15, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
22. Zafir mohd Makhbul, Nor liza Abdullah & Noor Azuan Hashim (2013), *Stres di tempat kerja: isu global dalam melestarikan organisasi*. Journal of social science and humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.





